

Tak mahu cinta sejenis

Pelajar terkejut rakan disangka 'alim' rupa-rupanya musang berbulu ayam

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@metro.com.my

? Saya pelajar yang menghadapi masalah gangguan daripada kawan sejenis. Saya mengenalnya tahun lalu. Pada permulaan perkenalan kami, saya tidak melihat kelainan dalam dirinya. Dia kelihatan sempurna daripada kaca mata orang ramai.

Dia sangat bersopan santun, menghormati rakan juga disukai pensyarah.

Rakan saya ini juga seorang yang tampan, alim serta menunjukkan sikap dan perwatakan menarik.

Seperti saya katakan, sifatnya yang kelihatan berilmu dan alim menarik perhatian ramai pelajar perempuan.

Pada peringkat awal, saya amat suka berkawan dengannya, malah dia juga banyak membantu saya dalam pelajaran. Saya juga pernah beberapa kali ke bilik asramanya untuk mengulang kaji pelajaran.

Lama-kelamaan perhubungan kami yang bermula dengan hanya kawan biasa bertukar menjadi satu perhubungan yang rapat. Saya benar-benar menyukai perhubungan ini dan berharap ia akan berkekalan.

Rupa-rupanya perkara sebaliknya berlaku. Kawan saya ini seorang yang menyukai jantina sama. Ia berlaku pada satu malam apabila kami ke-



luar mengikuti satu program di luar kampus.

Kami ditempatkan dalam bilik yang sama. Apabila kami hendak masuk tidur, kawan saya itu cuba memeluk saya.

Risau akan perkara ini, saya berkongsi masalah dengan rakan lain. Barulah saya tahu perkara sebenar.

Saya juga sudah mula hilang kepercayaan terhadap orang yang 'alim'. Bantulah saya untuk mengatasi

kemelut ini.

SERBA SALAH, NEGERI SEMBILAN

! Kepercayaan adik kepada rakan namanya dikhianati oleh rakan yang disangka alim dan berilmu. Dr harap ini tidak memberi satu indikasi dan satu bentuk kepercayaan kepada adik bahawa orang yang berilmu dan 'alim' akan bertindak seperti

kawan adik itu.

Dr juga ucapkan tahniah kerana adik tidak menggalakkan perbuatan kawan adik dengan memberi tindak balas positif. Tingkah laku buruk menyukai jantina sejenis kawan adik akan berterusan dan menjadi iktan sekiranya adik bertindak balas positif dan berasa seronok atas perbuatannya itu.

Adik menunjukkan satu perlakuan yang baik dengan berusaha menjauhi atau ti-

dad memberi tindak balas positif apabila kawan memeluk. Ia adalah satu isyarat adik tidak mahu dia mengulangi perbuatan buruknya itu.

Berhubung dengan sikap tidak percaya kepada orang 'alim', Dr harap adik berusaha untuk membentuk satu kepercayaan bahawa tidak semua orang 'alim' akan bertindak seperti kawan adik itu.

Dr memahami mengapa

adik mula menaruh sikap tidak percaya kepada orang 'alim'. Sememangnya ada pakar psikologi percaya satu pengalaman dan peristiwa kehidupan akan membentuk satu bentuk kepercayaan. Ini jelas menerangkan pemikiran adik mula merasakan bahawa di sebalik kealiman seseorang, tentunya ada perkara buruk yang dilakukan.

Dr rasa apa yang perlu adik lakukan ialah memikirkan bahawa apa yang rakan adik lakukan adalah tingkah laku dirinya sendiri. Perbuatan menyukai jantina sejenis bukanlah tingkah laku atau sifat perbuatan orang alim dan berilmu yang lain.

Ia tidak mewakili tingkah laku semua orang alim. Membentuk satu generalisasi tingkah laku buruk kawan adik berlaku kepada orang alim yang lain boleh membentuk pemikiran tidak rasional adik.

Rakan adik mempunyai banyak sifat positif. Sifat sopan santun, menghormati rakan dan juga pensyarah adalah sifat yang baik. Justeru, adik juga perlu membentuk pemikiran bahawa banyak perkara yang dilakukan oleh teman adik itu adalah positif.

Menyukai sifat positif kawan adik ini adalah baik. Adik perlu juga melihat sifat positif beliau dan menjauhi sifat negatifnya. Ini memberi peluang kepada adik untuk melihat diri rakan itu daripada perspektif yang berbeza.



Kekasih hina paras rupa

? Saya mempunyai masalah kekasih yang suka mengeluarkan kata-kata kesat dan menghina fizikal saya. Saya berada dalam konflik dan berasa tertekan dengan hal ini serta risau akan menjejaskan mutu pekerjaan saya.

Saya cuba memutuskan hubungan, tetapi saya amat sayangkannya. Kami merancang untuk berkahwin pada tahun depan. Saya berharap Dr dapat membantu saya.

! Mencintai seseorang tidak bermakna membenarkan emosi dan fizikal disakiti. Disakiti emosi dan fizikal memang menyakitkan.

Dr empati dengan adik. Cinta bermaksud tidak sesekali membenarkan diri menjadi hinaan termasuk paras rupa. Kecantikan adalah anugerah Tuhan. Tiada siapa berhak mengadili kurniaan Tuhan.

Membuat pilihan tepat mengenai lelaki bakal calon suami amat penting. Soal jodoh adalah ketentuan-

Nya. Adakalanya kita cuba menghindari jodoh kita, tetapi ia tetap datang.

Beritahu kekasih apa yang adik rasakan setiap kali dia mengeluarkan kata-kata menyakitkan mengenai rupa paras adik. Sekiranya selepas perbincangan, kekasih masih lagi kekal dengan tingkah lakunya yang menyakitkan, adik perlu serius memikirkan jalan terbaik untuk membahagiakan diri adik sendiri.

TIDAK SUKA DIHINA,
MELAKA